

02 OCT 1996

Najib-Universiti

KERAJAAN ARAH SEGERAKAN PEMBINAAN UNIVERSITI MULTI-MEDIA

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Kabinet hari ini mengarahkan Kementerian Pendidikan menyegerakan pembinaan universiti multi-media di Bandar Teknologi Maklumat (BTM) bersebelahan dengan pusat pentadbiran baru kerajaan di Putrajaya.

"Pewujudan pusat pembangunan multi-media super koridor itu diputuskan Kabinet pada mesyuaratnya hari ini," kata menteri berkenaan Datuk Seri Najib Tun Razak kepada pemberita di pejabatnya di Pusat Bandar Damansara di sini.

Beliau berkata pembinaan universiti itu adalah antara keutamaan tertinggi yang ditentukan Jawatankuasa Multi-Media Super Koridor yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad daripada lapan permohonan lain.

Katanya, kementerian diarah mengambil tindakan segera bagi mewujudkan universiti itu yang dikatakan aplikasi utama yang akan menggunakan teknologi multi media terkini dan paling canggih di samping sekolah bistari.

Universiti multi-media ini, yang akan dibina di atas tapak seluas 70 hektar yang sudah dikenalpasti di pusat bandar BTM, akan menjadi nadi pembangunan keseluruhan bandar berciri moden itu.

"Projek universiti ini akan turut melibatkan penyertaan pihak-pihak yang mempunyai kepakaran kukuh dalam bidang berkenaan dan kita akan kenalpasti siapa mereka, serta menentukan tenaga pengajar dan berapa banyak pelaburan yang diperlukan.

"Para pegawai kementerian akan berbincang dengan pegawai-pegawai tertentu dari luar negara dan juga tempatan yang mempunyai minat serta kemampuan menyertai projek ini yang telah diberi keutamaan Kabinet," katanya lagi.

Najib berkata rundingan juga akan diadakan dengan universiti luar dan badan korporat yang ada kepakaran dalam bidang multi-media teknologi di samping beberapa badan terkemuka dalam bidang itu.

Pembinaan universiti multi-media itu, yang memberi penekanan terhadap penggunaan teknologi tinggi, adalah penting memandangkan negara memerlukan kira-kira 50,000 pekerja terlatih bagi menampung keperluan Super Koridor Multi-Media yang berteraskan sains dan teknologi, katanya.

Katanya, swasta dari dalam dan luar negara akan terlibat dalam projek universiti itu yang akan diwujudkan di bawah Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang akan dipelopori bersama badan-badan korporat tempatan dan luar negara bersama universiti luar negara.

Penubuhan universiti multi-media itu diletakkan di bawah Jawatankuasa Petugas peringkat kementerian yang akan dipengerusikan Najib sendiri.

Mengenai Sekolah Bistari, jawatankuasa itu akan melantik satu konsortium yang akan bekerjasama dengan kementerian untuk menggubal perisian bagi membolehkan kurikulum kebangsaan diajar dalam empat matapelajaran iaitu sains, matematik, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris mulai 1998.

-- BERNAMA

ZAB AHH